

**SEJARAH SOSIAL MASYARAKAT BAJAU DI
DAERAH SEMPORNA
(1942-2000)**



**NUR YAKIN BINTI ISMAIL
BA19110110**

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH SOSIAL MASYARAKAT BAJAU DI
DAERAH SEMPORNA
(1942-2000)**

**NUR YAKIN BINTI ISMAIL
BA19110110**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SEJARAH SOSIAL MASYARAKAT BAJAU DI DAERAH SEMPORNA (1942-2000)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **NUR YAKIN BINTI ISMAIL** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

TERHAD

/

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



NUR YAKIN BINTI ISMAIL
BA19110110



(PROFESOR DR. MADYA BILCER BALA)
PENYELIA

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sejarah Sosial Masyarakat Bajau di Daerah Semporna pada tahun 1942 hingga tahun 2000 ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiapsatunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



NUR YAKIN BINTI
ISMAIL
BA19110110



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, segala puji bagi Allah, tuhan bagi sekalian alam. Selawat serta salam untuk junjungan besar, Nabi Muhammad S. A. W. Alhamdulillah dengan rasa penuh rendah diri, saya memanjatkan ribuan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnianya akhirnya saya dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya serta mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia untuk Latihan Ilmiah saya iaitu Profesor Dr. Madya Bilcer Bala yang telah banyak membantu, memberi nasihat dan motivasi serta memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan Latihan Ilmiah saya. Segala nasihat yang diberikan amatlah saya hargai dan sedikit sebanyak membakar semangat saya agar meningkatkan lagi keyakinan sepanjang menyiapkan Latihan Ilmiah ini sehingga ke penghujungnya.

Turut tidak dilupakan pengorbanan kedua ibu bapa saya, Ayahanda Ismail Ali dan Bonda Jamiah Ibrahim yang selama ini mendidik saya sehingga menjadi insan yang akan berbakti kepada agama, bangsa, nusa dan negara, serta mereka juga banyak membantu dengan memberi kata-kata semangat dan juga memberi nasihat yang berguna kepada saya sepanjang menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Segala pengorbanan yang telah diberikan kepada saya akan saya hargai sepanjang masa. Tambahan lagi, saya juga ingin berterima kasih kepada Tunang saya iaitu Mohd Shareen bin Borman yang telah banyak berkorban dan membantu saya dari segi kewangan dan perkongsian ilmu serta idea untuk tujuan mempermudah saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Untuk adik-beradik saya, kata-kata peransang yang diberikan oleh mereka memberi semangat juang yang tinggi kepada saya untuk terus mencapai kejayaan. Akhir sekali, tidak dilupakan pihak-pihak yang terlibat sepanjang saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Sekian, Terima Kasih.

NUR YAKIN BINTI ISMAIL

BA19110110

ABSTRAK

Kajian ini merupakan perbincangan tentang sejarah sosial masyarakat Bajau di Daerah Semporna, Sabah pada tahun 1942 sehingga tahun 2000. Secara umumnya, masyarakat suku kaum Bajau di Semporna dikatakan masih lagi berpegang teguh terhadap salah satu bentuk indikator sosial mereka sehingga ke hari ini yakni kepercayaan dan amalan tradisi nenek moyang serta beberapa sistem sosial yang lain. Sehubungan dengan itu, permasalahan yang mendasari kajian ini adalah berkaitan dengan persoalan sejauhmanakah transformasi sosial yang berlaku terhadap orang Bajau di Semporna sehingga menggalakkan perubahan dan perkembangan dalam segenap aspek kehidupan mereka sehingga pasca kemerdekaan Sabah. Berdasarkan data sekunder yang diperolehi daripada pelbagai sumber, kajian ini mendapati bahawa pada tahun 1963, apabila Sabah merdeka dalam Malaysia, ternyata Sabah semakin berkembang dalam pelbagai dimensi arus kemajuan termasuklah pembangunan, pendidikan, politik dan ekonominya. Banyak daerah di Sabah turut mengalami perkembangan yang semakin memberangsangkan termasuklah Daerah Semporna dan penduduknya. Oleh itu, perubahan corak pemikiran dan pola kehidupan orang Bajau di Semporna akibat gelombang penghijrahan secara besar-besaran komuniti ini ke daratan telah menjadi titik tolak kepada perkembangan dan kemajuan mereka sejak tahun 1963 sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Masyarakat Bajau Semporna, Sistem Sosial, Penghijrahan ke Daratan, Perubahan dan Perkembangan



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SOCIAL HISTORY OF THE BAJAU COMMUNITY IN SEMPORNA (1942-2000)

This study is a discussion about the social history of the Bajau community in Semporna, Sabah in 1942 to 2000. In general, The Bajau community in Semporna is said to still hold fast to one form of their social indicators until today, which is the traditional beliefs and practices of their ancestors as well as some other social systems. Herewith that, the problem that underlies this study is related to the question of the extent to which the social transformation that took place against the Bajau people in Semporna to encourage change and development in all aspects of their lives until after Sabah's independence. Based on secondary data obtained from various sources, this study found that in 1963, when Sabah became independent within Malaysia, Sabah was growing in various dimensions of progress including development, education, politics and economy. There have been many districts in Sabah are also experiencing increasingly encouraging development including the Semporna District and its residents. Therefore, the change of their thought and life pattern of the Bajau community in Semporna due to the mass migration wave of this community to the mainland has been the starting point for their development and progress since 1963 until today.

Keywords: Bajau Semporna community, Social System, Migration to the Mainland, Change and Development



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--------------------------|---------|
| TAJUK | i |
| PENGESAHAN | ii |
| PENGAJUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vi |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI GAMBAR | x |
| SENARAI PETA | xi |
| SENARAI SINGKATAN | Xii |

BAB 1: PENGENALAN

| | | |
|-----|--------------------------|----|
| 1.1 | Pengenalan | 1 |
| 1.2 | Permasalahan Kajian | 2 |
| 1.3 | Sorotan Literatur Kajian | 4 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 | Skop Kajian | 10 |
| 1.6 | Metodologi Kajian | 11 |
| | 1.6.1 Kaedah Kepustakaan | 11 |
| | 1.6.2 Sumber Internet | 12 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.8 | Pembahagian Bab | 13 |
| 1.9 | Kesimpulan | 15 |

BAB 2: LATAR BELAKANG MASYARAKAT SUKU KAUM BAJAU DI DAERAH SEMPORNA

| | | |
|-----|------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan | 16 |
| 2.2 | Latar Belakang Sistem Sosial | 17 |
| 2.3 | Asal Usul Orang Bajau | 18 |

| | | |
|-------|--|----|
| 2.3.1 | Teori Orang Bajau Berasal dari Johor | 19 |
| 2.3.2 | Teori Orang Bajau Berasal dari Selatan Filipina | 21 |
| 2.4 | Asal Usul Istilah Bajau | 25 |
| 2.4.1 | Istilah <i>The Sea Nomad / The Sea Gypsies</i> | 26 |
| 2.4.2 | Istilah Bajau Laut (<i>Pala'u</i>) | 27 |
| 2.4.3 | Klasifikasi Istilah Bajau Laut (<i>Pala'u</i>) dan Bajau Darat Dalam Konteks Daerah Semporna | 29 |
| 2.5 | Latar Belakang Negeri Sabah | 31 |
| 2.6 | Latar Belakang Daerah Semporna | 36 |
| 2.7 | Kesimpulan | 40 |

BAB 3: SISTEM SOSIAL MASYARAKAT SUKU KAUM BAJAU DI DAERAH SEMPORNA

| | | |
|-------|--|----|
| 3.1 | Pengenalan | 42 |
| 3.2 | Sistem Kepercayaan Orang Bajau Semporna | 43 |
| 3.3 | Amalan Tradisi Orang Bajau Semporna | 44 |
| 3.3.1 | Amalan yang berhubung kepercayaan <i>magombo'</i> | 45 |
| 3.3.2 | Amalan yang berhubung kepercayaan kepada jin dan orang yang berjin | 46 |
| 3.3.3 | Amalan yang berhubung kepercayaan kepada <i>tulah</i> | 48 |
| 3.3.4 | Amalan yang berhubung kepercayaan kepada bomoh atau <i>kelamat</i> | 49 |
| 3.3.5 | Amalan yang berhubung kepercayaan kepada <i>pitulak</i> | 50 |
| 3.4 | Petempatan Orang Bajau Semporna | 51 |
| 3.5 | Sistem Pendidikan Orang Bajau Semporna | 52 |
| 3.6 | Sistem Kepimpinan Orang Bajau Semporna | 53 |
| 3.7 | Sistem Kekerabatan Orang Bajau Semporna | 54 |
| 3.8 | Sistem Perkahwinan Orang Bajau Semporna | 56 |
| 3.9 | Sistem Ekonomi Orang Bajau Semporna | 56 |
| 3.9.1 | Kegiatan Pertanian | 57 |
| 3.9.2 | Kegiatan Perikanan | 58 |
| 3.9.3 | Kemahiran Pertukangan | 60 |
| 3.10 | Kesimpulan | 61 |

BAB 4: MASYARAKAT SUKU KAUM BAJAU SEMPORNA DAN PERUBAHAN

| | | |
|---------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 63 |
| 4.2 | Masyarakat Bajau Semporna dan Pembangunan Sabah | 63 |
| 4.3 | Perkembangan Pendidikan Orang Bajau Semporna | 64 |
| 4.3.1 | Perkembangan Sekolah Rendah di Semporna Pasca Sabah Merdeka | 66 |
| 4.3.2 | Sekolah Menengah di Semporna Pasca Sabah Merdeka | 67 |
| 4.4 | Perkembangan dalam Lingkaran Politik dan Profesional Orang Bajau Semporna | 69 |
| 4.5 | Sistem Pengangkutan Air dan Perubahan | 73 |
| 4.5.1 | Sejarah Awal Pengangkutan Air | 74 |
| 4.5.2 | Jenis Pengangkutan Air | 75 |
| 4.5.3 | Kegunaan Pengangkutan Air Terhadap Masyarakat Bajau Semporna | 81 |
| 4.5.3.a | Pengangkutan Utama | 82 |
| 4.5.3.b | Tempat Tinggal | 82 |
| 4.5.3.c | Mengangkut Barang Keperluan Harian | 83 |
| 4.5.3.d | Kegiatan Ekonomi | 84 |
| 4.5.3.e | Penghijrahan dan Migrasi ke Sabah | 84 |
| 4.5.4 | Isu dan Cabaran Sistem Pengangkutan Air | 85 |
| 4.6 | Pembukaan Kampung Bangau-Bangau untuk komuniti Bajau Laut | 86 |
| 4.7 | Perkembangan Pesta Regatta Lepa Di Semporna | 88 |
| 4.8 | Kesimpulan | 89 |

| | |
|-----------------------|-----------|
| BAB 5: PENUTUP | 91 |
|-----------------------|-----------|

Bibliografi

SENARAI GAMBAR

| | Halaman |
|--|---------|
| Gambar 1: Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai | 74 |
| Gambar 2: Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal | 76 |
| Gambar 3: Perahu Jenis <i>Boggo'</i> | 78 |
| Gambar 4: Perahu Jenis <i>Lepa</i> | 79 |
| Gambar 5: Perahu Jenis <i>Pelang-Pelang</i> atau <i>Papet</i> | 80 |
| Gambar 6: Perahu Jenis <i>Lansa</i> | 81 |
| Gambar 7: Perahu Jenis <i>Kumpit</i> | 82 |
| Gambar 8: Perahu jenis <i>Tempel</i> | 83 |
| Gambar 9: Perahu Jenis Bot Laju | 84 |
| Gambar 10: Kampung Bangau-Bangau di Semporna, Sabah | 90 |
| Gambar 11: Pesta <i>Reggata Lepa</i> | 92 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

| | Halaman |
|-------------------------------------|---------|
| Peta 1: Peta Negeri Sabah | 34 |
| Peta 2: Peta Daerah Semporna, Sabah | 37 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---------------------------|---|---|
| Et. AI | - | Pengarang bersama yang lain |
| Ibid | - | Ibdem |
| Hlm | - | Halaman |
| BN | - | Barisan Nasional |
| UMNO | - | <i>United Malays National Organization</i> |
| USNO | - | <i>United Sabah National Organization</i> |
| UNKO | - | <i>United National Organization</i> |
| BERJAYA | | Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah |
| PASOK- MOMUGUN | | <i>United National Pasok-Momugun Organization</i> |
| SBBUB | - | Syarikat Berpiagam Borneo Utara British |
| BMA | | <i>British Military Administrative</i> |
| PBB | | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| DFA | - | <i>Department of Foreign Affairs</i> |
| ASEAN | | <i>Association of Southern Asia Nations</i> |
| NBDP | - | <i>North Borneo Democratic Party</i> |
| ADUN | | Dewan Undangan Negeri |
| PRU | - | Pilihanraya umum |
| PRN | - | Pilihanraya Negeri |
| SRK | | Sekolah Rendah Kebangsaan |
| SMK | | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| SRJK | | Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan |



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semporna adalah antara daerah yang terletak di Pantai Timur Sabah. Pada awalnya Semporna atau dahulunya dikenali sebagai *Tong Talun* yang dimaksudkan sebagai hutan hujung kerana semasa pembukaannya, Semporna merupakan satu kawasan hutan tebal.¹ Seterusnya, nama *Tong Talun* telah diubah menjadi "Semporna" yang bermaksud aman dan harmoni. Semporna dibuka secara rasmi sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan oleh Pemangku Gabenor Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) pada 10 Mei 1887. Komuniti etnik Bajau di Daerah Semporna adalah suku kaum yang mendominasi daerah tersebut serta boleh dibahagikan kepada dua kelompok yakni masyarakat Bajau Laut yang tinggal di atas perahu (*lepa*), mereka ini dikenali sebagai *Pala'u* dan masyarakat Bajau Darat yang telah berhijrah ke daratan atau tanah besar Semporna. Masyarakat Bajau juga mempunyai kegiatan ekonomi mereka tersendiri.² Misalnya, masyarakat ini ada yang berkerja dalam sektor kerajaan dan swasta serta menjalankan pekerjaan dengan pendapatan harian. Namun begitu apa yang menarik, disebabkan kedudukan kawasan Semporna yang berhampiran dengan laut menyebabkan kebanyakan masyarakat giat menjalankan kegiatan perikanan dan komuniti inilah yang digelar sebagai komuniti maritim di Semporna.

Menurut Yap Beng Liang (1978), asal usul nama Bajau lazimnya dikaitkan dengan kepercayaan orang Bajau Semporna itu sendiri. Istilah Bajau dalam bahasa

¹ *Profail Daerah Semporna*, Pejabat Daerah Semporna 2004, hlm. 6.

² Saidatul Nornis Hj. Mahali, Perbandingan dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah. *Jurnal Melayu*, Bil. 5, 2010, hlm. 333-374.

Melayu ditakrifkan sebagai "berjauhan" disebabkan komuniti Bajau yang suatu ketika dahulu adalah komuniti maritim yang hidup berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat dan 'berjauhan' dari kawasan daratan. Orang Bajau juga boleh dikategorikan sebagai masyarakat minoriti di Asia Tenggara.³ Dalam perkara ini, minoriti bukan sahaja boleh merujuk kepada bilangan populasinya yang kecil di Asia Tenggara tetapi juga status sosialnya yang berada dalam lapisan yang paling bawah dalam stratifikasi sosial masyarakat di rantau itu. Walau bagaimanapun, populasi etnik Bajau dalam konteks Negeri Sabah bukanlah komuniti yang tergolong sebagai etnik minoriti kerana populasi mereka adalah etnik bumiputera kedua terbesar selepas populasi etnik kadazandusun.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan pertama dalam kajian ini ialah, untuk mengetahui latar belakang dan asal usul masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna dengan lebih tepat. Lantaran masyarakat etnik ini yang telah mendominasi daerah berkenaan. Dalam erti kata makna lain, komuniti etnik Bajau merupakan populasi yang paling ramai mendiami daerah Semporna berbanding dengan komuniti etnik lain seperti Suluk, Bugis, Kadazandusun dan sebagainya. Tambahan lagi, terdapat kekeliruan dari sisi pemikiran masyarakat luar mengenai latar belakang kehidupan masyarakat suku kaum Bajau di daerah berkenaan. Yang mana semata-mata cenderung menggambarkan bahawa rata-rata masyarakat suku kaum Bajau Semporna merupakan komuniti yang hanya tinggal di atas perahu. Pengkaji beranggapan bahawa hal tersebut disebabkan Daerah Semporna yang terkenal dengan orang Bajau Laut pada masyarakat luar. Ditambah lagi identifikasi terhadap komuniti ini wujud merupakan hasil daripada dapatan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji sebelumnya, dan telah diterima pakai oleh kerajaan dengan tujuan memudahkan masyarakat luar dan masyarakat Sabah sendiri membezakan kelompok-kelompok etnik terbabit. Maka, istilah Bajau Laut digunakan bagi membezakan komuniti etnik Bajau di Pantai Timur Sabah termasuk Daerah Semporna, manakala istilah Bajau Darat pula digunakan untuk komuniti etnik Bajau

³ Saidatul Nornis Hj. Mahali, Bahasa Gipsi Laut /Pala'u: Penelitian Dini di Sabah. *Borneo-Kalimantan: Jurnal Antarabangsa Kajian Masyarakat, Budaya dan Sejarah Borneo-Kalimantan*, Bil. 21, 2015, hlm. 456.

di Pantai Barat Sabah.

Sehubungan dengan itu, perkara tersebut harus diklarifikasi kerana masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna terdiri daripada banyak sub-etnik. Di mana mereka juga mempunyai perbezaan dengan masyarakat etnik Bajau yang menetap di Pantai Barat Sabah. Hal ini memperlihatkan dengan jelas akan keunikan masyarakat suku kaum Bajau di daerah berkenaan. Malah, komuniti Bajau Semporna yang juga tergolong dalam status bumiputera Sabah seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, telah menarik minat pengkaji untuk meneliti secara terus melalui pensejarahannya. Persoalannya, apakah latar belakang dan asal usul masyarakat suku kaum Bajau di daerah Semporna.

Selain itu, kajian ini merupakan satu tinjauan dari perspektif sosial terhadap masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna. Justeru itu, permasalahan yang kedua ialah untuk mengenalpasti sistem sosial kehidupan masyarakat suku kaum Bajau di daerah berkenaan. Apabila memperkatakan mengenai penulisan yang bersifat ilmiah yang mencakupi aspek sosial masyarakat tempatan, pengkaji mendapati kajian lepas yang memilih komuniti Bajau di Daerah Semporna sebagai objek utama atau sasaran kajian belum begitu meluas. Kendala ini mungkin disebabkan jarak geografi kediaman mereka yang berada di penghujung Pantai Barat, dan kendala bahasa dalam kalangan pengkaji lebih-lebih lagi hanya segelintir orang Bajau Laut yang bertutur dalam Bahasa Melayu. Justeru itu, kajian yang lebih banyak dilakukan terhadap komuniti ini adalah dari aspek ekonomi, antropologi, etnografi, dan seni bina. Meskipun aspek sejarah juga diselitkan di dalam kajian mereka, namun agak sedikit didedahkan dan tidak menyeluruh. Hal ini sememangnya menimbulkan persoalan dalam kajian para penyelidik sebelum ini kerana mereka tidak membincangkannya secara khusus. Kekurangan kajian dalam aspek sejarah sememangnya mendatangkan kesukaran kepada pengkaji untuk memahami sejarah sosial masyarakat suku kaum Bajau di daerah Semporna, Sabah.

Saidatul Nornis Hj. Mahali dalam artikel yang bertajuk "Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau" (2008). Membincangkan tentang interaksi sosial orang Bajau di Daerah Kota Belud yang memiliki pelbagai bentuk genre. Antaranya ialah *Isun-Isun* yang masih lagi dinyanyikan dalam kalangan orang Bajau di Daerah Kota Belud.

Namun, skop kajian tersebut hanya memfokuskan kepada masyarakat suku kaum Bajau di daerah Kota Belud sahaja. Yang kemudiannya menimbulkan persoalan, bagaimana pula dengan sistem sosial masyarakat suku kaum Bajau di daerah Semporna dari pandangan sudut sejarah. Justeru itu, persoalan berhubung identiti budaya mereka juga menjadi intipati utama penyelidikan ini kerana kehidupan mereka banyak dipengaruhi kepercayaan dan amalan tradisi mereka. Identiti budaya secara umumnya boleh diibaratkan sebagai jati diri sesebuah masyarakat yang merangkumi aspek-aspek sejarahnya, sistem agama dan kepercayaan, adat resam dan amalan, norma-norma dan sebagainya. Justeru itu, pengkaji turut membincangkan budaya masyarakat suku kaum Bajau Semporna dengan memfokuskan terhadap amalan tradisi mereka dari sudut pandangan sejarah secara teliti.

Akhir sekali, permasalahan yang ketiga ialah membincangkan perkembangan dan perubahan kehidupan yang dialami oleh masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna. Hal ini demikian kerana, dikatakan masyarakat suku kaum Bajau yang telah mengalami transformasi sosial dari hanya tinggal di atas perahu dan mendiami kawasan pinggir pantai, dan kini sebahagian besar daripada mereka telah menjadi penduduk darat dan berubah corak pemikiran ke arah kemajuan hidup. Persoalannya, sejauh manakah masyarakat etnik Bajau di daerah Semporna, Sabah telah mengalami perubahan dari era penjajahan British sehingga pasca kemerdekaan Sabah.

1.3 Sorotan Literatur Kajian

Dalam bahagian sorotan literatur kajian ini, pengkaji akan meninjau dan melakukan pembacaan terhadap beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna, Sabah. Hal ini penting untuk mengenal pasti segala kekurangan yang ada pada kajian lepas. Manakala, pengkaji pula akan melakukan kajian ke atas aspek yang belum pernah dikaji. Justeru itu, skop bidang kajian terhadap sejarah masyarakat tempatan juga boleh diperluaskan lagi.

Di dalam buku penulisan Ishak Saat yang bertajuk "*Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*" (2005). Penulis menonjolkan beberapa esei kajian mengenai Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia. Buku ini juga menjadi sumber rujukan kepada pengkaji untuk mempelajari dan mengetahui bagaimana peri pentingnya perpaduan antara kaum dalam sesebuah negara khususnya dalam konteks Negara Malaysia.⁴ Hal ini demikian kerana, masyarakat majmuk Malaysia yang masing-masing terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza, agama, bahasa, pendidikan dan budaya. Selain itu, penulis juga menyatakan bahawa pengalaman sejarah lalu juga boleh dijadikan panduan dan teladan untuk kita semua kerana sejarah boleh mengajar kita menjadi lebih matang dan dewasa. Malah, sejarah sosial setiap masyarakat Malaysia juga mampu menyedarkan kita tentang erti sebuah perpaduan untuk meluaskan lagi jaringan sosial khususnya negara majmuk yang unik dan menarik.

Kajian awal mengenai Semporna dan masyarakat Bajau dilakukan oleh James Warren pada tahun 1971.⁵ Buku tersebut telah membincangkan tentang sistem pentadbiran British di Daerah Semporna untuk mengawal penentangan orang Bajau di Pulau Omdal yang dianggap sebagai kumpulan lanun. Dalam masa yang sama, buku ini juga menyatakan pembukaan Daerah Semporna suatu ketika dahulu. Namun buku ini tidak pula menyentuh aspek sosial dan kegiatan ekonomi masyarakat suku kaum Bajau di Semporna selepas daerah ini merdeka pada tahun 1963, sebaliknya hanya memberi tumpuan terhadap situasi yang berlaku di Daerah Semporna sekitar tahun 1878 hingga 1909. Walau bagaimanapun, buku ini penting untuk difahami dan mengetahui sejarah asal usul pembukaan Daerah Semporna dan pelaksanaan sistem pentadbiran British yang pernah menjajah daerah ini.

Kajian Gusni Saat (2003), membincangkan tentang taraf sosial Bajau laut yang lebih rendah berbanding budaya dominan. Hal demikian kerana, perkara ini dikaitkan dengan cara hidup "maritim" komuniti Bajau Laut yang sudah sebatian dengan kehidupan mereka yang telah berabad lamanya menyebabkan perkara tersebut terjadi.⁶ Justeru itu, budaya dan ekonomi mereka di rantau Asia Tenggara ini

⁴ Ishak Saat, *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications, 2005, hlm. iv.

⁵ James F. Warren, *The North Borneo Chartered Company's Administration of The Bajau, 1878-1909: The Pacification of Maritime, Nomadic People*, Ohio University, 1971.

⁶ Gusni Saat, *Komuniti Samah-Bajau di bandar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

dianggap sebagai status sosial yang paling rendah dalam masyarakat. Di dalam buku ini juga menyatakan bahawa untuk melakukan perubahan terhadap taraf sosial komuniti ini, hanya mampu dilaksanakan melalui satu pengaturan semula kedudukan mereka dalam tempoh yang kompleks dan mencakupi segala aspek termasuklah aspek sosial serta ekonomi. Oleh itu, kajian Gusni Saat ini menyatakan bahawa status sosial yang rendah dalam kalangan komuniti Bajau Laut adalah disebabkan faktor budaya yang sukar dielakkan.

"*Budaya Bajau: Pemanfaatan dan Pelestarian Lingkungan*" adalah kajian lepas yang dilakukan oleh Ratna Indrawasih dan IGP Antariksa (2003). Dalam kajian ini penulis membincangkan tentang pemanfaatan lingkungan iaitu dari segi kegiatan mata pencarian. Misalnya komuniti Bajau Laut sekitar Kepulauan Riau telah memanfaatkan persekitaran mereka dengan menjalankan kegiatan perikanan dengan kebolehan asas yang mereka ada dan terkenal sejak turun temurun.⁷ Mengikut kajian ini, komuniti Bajau di Kepulauan Riau sangat mahir menyelam lautan walaupun tiada alat bantu atau kompressor dan ini merupakan kepakaran mereka yang sukar dinafikan.

Selain itu, buku yang bertajuk "*Sabah*" yang ditulis oleh Hoebel dan Heiss (1984). Hoebel dan Heiss menerangkan bahawa masyarakat Bajau telah berubah corak kehidupan mereka dari segi tempat tinggal iaitu mereka mula berhijrah ke daratan dan mendiami rumah di kawasan tersebut. Perubahan cara hidup ini dibuktikan dengan kewujudan penempatan suku kaum Bajau yang bertempat di kawasan Pantai Barat Sabah khususnya di sekitar lembah Tempasuk.⁸ Malah, segelintir orang Bajau di Semporna juga telah mendiami kawasan darat sejak sekian lama juga sinonim sebagai komuniti Bajau Laut, sebagaimana pemberian istilah oleh penguasa iaitu Kerajaan Negeri Sabah.

Selanjutnya, di dalam buku penulisan Sather (1974) yang bertajuk "*Cultural Affiliation in Eastern Sabah and Sulu Province*". Sather menjelaskan bahawa orang Bajau cenderung menggunakan nama *Sama* atau *A'sama* bagi sesama mereka.

⁷ Ratna Indrawasih & I.G.P Antariksa, *Budaya Bajau: Pemanfaatan dan Pelestarian Lingkungan*, Indonesia, *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, Vol. 9, No. 2, 2003.

⁸ R. Hoebel, dan L. H Heiss, *Sabah*, Hong Kong: Robert Rovera Ltd, 1984, hlm. 66.

Manakala, istilah Bajau pula merupakan nama yang diberikan oleh orang asing terhadap komuniti mereka. Dalam erti kata makna lain, masyarakat suku kaum Bajau Semporna lazimnya menggunakan nama *Sama* untuk menggelar komuniti mereka sendiri, sedangkan istilah "Bajau" lebih kepada panggilan orang luar kepada etnik mereka.⁹

Seterusnya, di dalam artikel yang ditulis oleh D. Headly (1951) yang bertajuk "*Some Illaununs and Bajau Marriage Customs in the Kota Belud District*". Penulis menjelaskan bahawa masyarakat suku kaum Bajau merupakan salah satu kelompok etnik peribumi Sabah yang mempunyai identitinya yang tersendiri dan mempunyai pelbagai variasi dari segi budayanya yang unik. Perkara ini dilihat menarik untuk dikaji kerana masyarakat suku kaum Bajau itu memang terkenal dan kaya dengan amalan tradisi mereka yang diwarisi secara lisan dari zaman dahulu lagi.¹⁰

"Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau" iaitu kajian lepas yang dijalankan oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali (2008). Kajian ini membincangkan tentang interaksi sosial orang Bajau di Daerah Kota Belud yang memiliki pelbagai bentuk genre. Fokus utama kajian ini ialah *Isun-Isun* yang masih lagi dinyanyikan dalam kalangan orang Bajau di daerah tersebut. Namun, skop kajian tersebut hanya memfokuskan kepada masyarakat Bajau di Daerah Kota Belud sahaja. Hal ini kerana, *Isun-Isun* merupakan satu bentuk genre lisan yang menyamai bentuk pantun, yakni penyusunannya terdiri dari empat bait serangkap dan mempunyai rima akhir yang sama a-a-a-a. Lazimnya, genre lisan tersebut disampaikan secara berlagu dengan iringan gesekan biola. Proses menyanyikan *Isun-Isun* ini dapat digambarkan seperti satu proses berbalas pantun. Justeru itu, *Isun-Isun* adalah satu indikator sosial yang membezakan komuniti etnik Bajau daripada etnik peribumi Sabah yang lain. Namun, dalam konteks Bajau Semporna adalah berbeza dengan Bajau Pantai Barat kerana mereka tidak mempunyai puisi lisan seumpama ini, sedangkan mereka adalah di bawah satu keluarga bahasa, iaitu keluarga Bahasa Bajau.¹¹

⁹ C. A Sather, "Cultural Affiliation in Eastern Sabah and Sulu Province", *Borneo Research Bulletin* 6, no. 1, 1974, 15-16, hlm. 52

¹⁰ D. Headly, "Some Illaununs and Bajau Marriage Customs in the Kota Belud District", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 24, no. 3, 1951, hlm. 159-162.

¹¹ Saidatul Nornis Hj. Mahali, "*Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau*", Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 2008, hlm. 63.

Manakala, kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali (1999) yang bertajuk "*Najat: Tinjauan Awal terhadap Lakuan Bahasa dan aspek Sosiobudaya Bajau*". Kajian ini merupakan tinjauan Awal terhadap lakuan bahasa dan aspek sosiobudaya komuniti Bajau Kota Belud. Dalam kajian ini, penulis hanya memfokuskan kepada *najat* sahaja. *Najat* yang dimaksudkan merupakan sejenis puisi lisan yang dinyanyikan oleh masyarakat Bajau di Daerah Kota Belud, Sabah.¹² Memandangkan *najat* juga tidak kurang menarik sebagai sejenis puisi lisan maka, *najat* sering dinyanyikan dan mendapat perhatian dalam majlis-majlis keramaian masyarakat Bajau di daerah berkenaan. *Najat* mempunyai empat ciri yang ketara, iaitu, pertama ia mempunyai empat baris serangkap sepertimana bentuk syair Melayu dengan rima akhir yang sama a-a-a-a; kedua *najat* disampaikan seperti cara menyampaikan syair dalam masyarakat Melayu, namun ia tidak boleh disampaikan secara berpantun, ketiga, *najat* dinyanyikan tanpa iringan sebarang alat muzik, dan keempat ia dinyanyikan sama ada secara solo atau secara dual iaitu berpasangan, lazimnya hanya penyanyi lelaki sahaja.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Hafijah Sidru dan Azmi Arifin (2017) iaitu "*Kedudukan dan Keberadaan Masyarakat Orang Asli Bajau Laut dalam Sejarah Pendudukan Jepun di Sabah, 1942-45*". Kajian ini membincangkan tentang kehidupan orang Asli Bajau Laut dalam skop masa 1942 sehingga 1945 iaitu semasa pendudukan Jepun di Sabah. Penulis telah jelaskan pada perbincangan bahagian pengenalan, bahawa masyarakat ini merupakan *nomadic boat people* yang mengamalkan hidup secara maritim dan sentiasa bermigrasi dari satu kawasan ke kawasan lain.¹³ Oleh itu, tidak terdapat rekod, fail mahupun dokumen rasmi yang boleh dijadikan sebagai rujukan utama terhadap kedudukan masyarakat ini pada awal kemunculannya. Hal ini kerana, mereka hidup secara nomad iaitu sentiasa berpindah-randah bagi kawasan perairan Sulu khususnya dan perairan Sulawesi serta perairan laut Celebes. Namun, kajian ini hanyalah merupakan tinjauan awal terhadap masyarakat tersebut. Justeru itu, penulis juga menyatakan bahawa masyarakat

¹² Saidatul Nornis Hj. Mahali, "*Najat: Tinjauan Awal terhadap Lakuan Bahasa dan aspek Sosiobudaya Bajau*", Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah, 1999, hlm. 83.

¹³ Hafijah Sidru dan Azmi Arifin, "*Kedudukan dan Keberadaan Masyarakat Orang Asli Bajau Laut dalam Sejarah Pendudukan Jepun di Sabah, 1942-45*", Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2017, hlm. 143.

Bajau masih memerlukan lagi penelitian yang khusus dan jitu dari para penyelidik yang lain.

Di samping itu, "Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat" yang merupakan kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Bin Bandan (1999). Kajian ini adalah satu penyelidikan tentang cerita masyarakat tempatan khususnya masyarakat etnik Bajau di Daerah Semporna yang dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Sosiologi.¹⁴ Penulis telah mengumpul sebanyak 15 buah cerita daripada kalangan etnik tersebut untuk dijadikan sampel kajian dalam usaha untuk mengenali lebih jelas tentang pola-pola sosiologi mereka. Perbincangan penulis juga adalah kompleks yang merangkumi unsur sosial masyarakat Bajau termasuklah dari aspek kepercayaan, pekerjaan, penggunaan masa, tingkah laku, keselamatan awam, pemikiran, moral, keluarga, cita-cita, persekitaran, agama dan lain-lain. Penulis juga turut menyelitkan unsur politik dan unsur ekonomi suku kaum Bajau di Daerah Semporna.

Akhir sekali, "Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna, Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula" yang merupakan kajian oleh Prof. Madya Dr. Ismail Ali (2010). Kajian ini membincangkan mengenai *lepa* dan *sambulayang* yang merupakan warisan etnik Bajau Semporna.¹⁵ Penulis juga mengatakan bahawa budaya *lepa* dan *sambulayang* adalah milik Bajau Laut dan bukannya kelompok etnik Bajau yang lain. Hal ini kerana, majoriti kaum Bajau Laut di persekitaran perairan Semporna nampaknya masih lagi membudayakan perahu sebagai *centre of life* berbanding dengan lain-lain suku kaum Bajau lain yang telah mula menetap di daratan. Penulis juga turut membincangkan secara sepintas lalu mengenai pembuatan *lepa* dan *sambulayang*.

1.4 Objektif Kajian

¹⁴ Abdul Halim Bin Bandan, "Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat", Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 1999, hlm. 1.

¹⁵ Ismail Ali, "Pembudayaan Lepa dan Sambulayang dalam Kalangan Suku Kaum Bajau di Semporna", Sabah, Malaysia: Satu Penelitian Semula", *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 3(2), 2010, hlm. 195.

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Objektif pertama ialah meneliti latar belakang dan asal usul masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna. Hal ini demikian kerana, selain sejarah kebangsaan, sejarah tempatan juga perlu diangkat yang merangkumi asal usul dan ciri-ciri masyarakat tempatan. Usaha ini sebagai langkah untuk memahami sejarah masyarakat tempatan di dalam negara ini dengan lebih mendalam khususnya komuniti Bajau di Daerah Semporna, Sabah. Justeru itu, penyelidikan ini juga akan membincangkan dengan lebih teliti mengenai masyarakat suku kaum Bajau Semporna yang sebenarnya boleh dipecahkan kepada dua kelompok iaitu komuniti Bajau yang mendiami darat dan komuniti Bajau Laut yang tinggal atas air.

Selain itu, objektif kedua pula ialah mengenalpasti sistem sosial masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna. Objektif kedua kajian pengkaji akan membincangkan mengenai pelbagai aspek kehidupan masyarakat ini yang berkait rapat dengan lingkungan sosial mereka. Objektif ini adalah sebagai usaha untuk pengkaji menelusuri corak pemikiran dan cara kehidupan seharian mereka dari sudut pandangan sejarah. Justeru itu, pengkaji juga melihat amalan tradisi masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna adalah aspek penting untuk dikembangkan dalam bidang kajian sejarah. Hal demikian kerana, amalan tradisi mereka sememangnya banyak mempengaruhi keseluruhan aspek kehidupan mereka, walaupun majoritinya etnik Bajau di Pantai Timur dan Pantai Barat Sabah adalah penganut agama Islam.

Akhir sekali, objektif yang ketiga adalah membincangkan mengenai perubahan dan perkembangan masyarakat Bajau di Semporna semasa era penjajahan British sehingga pasca kemerdekaan Sabah. Tujuannya untuk mensintesis aspek kehidupan sosial mereka dari pandangan sudut sejarah, kemudian melihat sejauh manakah perkembangan atau perubahan yang dialami oleh masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna untuk menjadi masyarakat yang moden dan progresif.

1.5 Skop Kajian

Justeru itu, skop kajian ini berfokus kepada masyarakat suku kaum Bajau yang mendiami Pantai Timur Sabah khususnya di Daerah Semporna. Pengkaji memilih Daerah Semporna sebagai lokasi kajian kerana populasi orang Bajau di sini adalah paling ramai berbanding etnik lain. Tambahan lagi, memudahkan pengkaji untuk menjalankan kajian ini kerana pengkaji sendiri berasal dari Daerah Semporna, Sabah. Selain itu, sasaran utama kajian ini juga memfokuskan kepada sejarah sosial termasuklah beberapa amalan tradisi orang Bajau banyak mempengaruhi setiap aspek kehidupan masyarakat tersebut. Justeru itu, sejarah masyarakat di peringkat daerah juga perlu diberi perhatian khususnya etnik Bajau, untuk melihat perubahan dan perkembangan mereka dalam mendepani era modenisasi dan globalisasi. Tambahan lagi, pengkaji mendapati bahawa kajian yang meletakkan masyarakat suku kaum Bajau sebagai objektif utama masih belum begitu meluas. Oleh itu, kajian ini adalah satu tinjauan dari perspektif sosial tentang sejarah masyarakat suku kaum Bajau di Daerah Semporna.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi merujuk kepada kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajiannya untuk mengenal pasti tumpuan permasalahan kajian. Dalam kajian ini, segala data dan pelbagai sumber lain yang dikumpul akan dianalisis untuk dijadikan sebagai bukti nyata kepada persoalan pokok kepada kajian ini. Justeru itu, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah bagi mendapatkan data dan maklumat daripada pelbagai sumber berbeza. Di mana penggunaan sumber ini dilakukan bagi memenuhi disiplin dalam ilmu sejarah agar penulisan kajian ini menepati pendekatan pengumpulan sumber dalam kajian. Penggunaan sumber dalam kajian ini adalah dikukuhkan dengan pengumpulan sumber pertama dan disusuli dengan sumber kedua.

1.6.1 Kaedah Kepustakaan

Dalam kaedah kepustakaan, pengkaji akan mengaplikasikan kaedah dokumentasi dalam kajiannya, iaitu dengan mendapatkan maklumat dan data melalui sumber